



TEKUN: Kakitangan Quantum Beez sentiasa diberi motivasi bagi menghasilkan ciptaan terbaik.



KONGSI PENGALAMAN: Dr Azman sentiasa berbincang dengan kakitangan bagi melancarkan pengurusan syarikat.

Wal-Mart guna ERP ci

Dr Azman Firdaus perkembang idea manfaat kl

NADI BIZ

BH 2/7/07 ms 21

BELIAU sanggup meninggalkan kerja bergaji lumayan dengan syarikat perladangan terbesar di Malaysia, dan menubuhkan Open Source Systems Sdn Bhd (sekarang dikenali sebagai Quantum Beez Sdn Bhd) dengan wang simpanan sebanyak RM250,000 pada 1998.

Dr Azman Firdaus Shafii, lulusan doktor falsafah dari Australia dalam bidang 'applied computing', mengorak langkah dalam bidang yang amat jarang diceburi orang Melayu, iaitu membina sistem komputer berkuasa tinggi menggunakan sistem Linux (perisian sumber terbuka yang mana semua pihak boleh menyumbang untuk meningkatkan kemampuannya, dan ia percuma tanpa perlu membayar lesen tahunan untuk perisian).

Selama lapan bulan beliau terpaksa meminjam kereta bapanya, untuk berulang-alik dari rumah ke pejabat beliau di Serdang kerana sudah menjual kenderaannya untuk dijadikan modal perniagaan. Selepas melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) selama lapan bulan, akhirnya beliau berjaya menghasilkan kluster Linux untuk komputer berkuasa tinggi bagi menjalankan proses pengkomputeran yang rumit dan memerlukan kuasa tinggi.

Azman yang juga pengasas, Pengerusi dan Ketua Eksekutif Quantum Beez Sdn Bhd, berkata idea menghasilkan komputer berkuasa tinggi menggunakan Linux itu timbul selepas membaca jurnal penyelidikan menyatakan kakitangan Agensi Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA) menghasilkan komputer berkuasa tinggi menggunakan perisian sumber terbuka Linux.

"Bertitik tolak daripada idea itu, saya melakukan R&D untuk membina komputer berkuasa tinggi menggunakan kluster Linux yang pertama



di Malaysia. Sebelum itu, saya juga melakukan kajian pasaran produk yang hendak dihasilkan itu," katanya ketika ditemui di pejabatnya di UPM-MTDC Technology Centre One, Universiti Putra Malaysia, Serdang, baru-baru ini.

Azman berkata, idea untuk menghasilkan komputer berkuasa tinggi itu timbul kerana berhasrat menghasilkan sesuatu yang berguna kepada masyarakat.

Katanya, komputer berkuasa tinggi yang dihasilkan itu menyamai prestasi komputer yang diimport dari luar negara tetapi 10 peratus lebih murah sama ada kos perisian atau penyelenggaraan.

"Dengan penghasilan komputer berkenaan, pihak universiti, agensi penyelidikan kerajaan, jabatan kerajaan, sektor kewangan, perbankan dapat menjimatkan kos untuk membayar lesen perisian kerana ia menggunakan perisian sumber terbuka percuma," katanya.

Beliau berkata, penggunaan komputer berkuasa tinggi amat penting kepada agensi ramalan kaji cuaca kerana ia dapat membantu agensi berkenaan membuat ramalan keadaan cuaca berdasarkan model digital yang menghimpunkan semua data.

"Untuk memproses pelbagai data dalam jumlah yang besar, agensi kaji cuaca memerlukan komputer berkuasa

Ciptaan anak Malaysia

kluster Linux hasilkan komputer berkuasa tinggi

“**Dalam perniagaan elemen keuntungan adalah penting, namun penghasilan produk bermanfaat lebih memberikan kepuasan kepada diri saya,**”

Dr Azman Firdaus Shafii
Pengerusi Quantum Beez

FAKTA NOMBOR

Quantum Beez

RM250,00

Modal permulaan

30

Jumlah kakitangan

kepada semua kakitangan bahawa produk yang dihasilkan perlu memenuhi keperluan pelanggan, selain mesti memberikan manfaat kepada mereka.

“Falsafah ini juga diterapkan kepada 30 kakitangan syarikat agar mereka terus menghasilkan produk bermutu tinggi dan berguna kepada pelanggan. Setiap petang saya mengadakan sesi motivasi kepada kakitangan saya untuk merangsang semangat mereka agar terus memberikan yang terbaik,” katanya.

Azman berkata, dalam perniagaan yang diceburinya itu, kepuasan utama ialah menghasilkan ciptaan yang dapat dimanfaatkan oleh pelanggan untuk kegunaan mereka.

“Dalam perniagaan elemen keuntungan adalah penting, namun penghasilan produk bermanfaat lebih memberikan kepuasan kepada diri saya,” katanya.

Beliau berkata, peringkat awal pembabitannya dalam perniagaan berteknologi tinggi seperti itu amat mencabar keyakinan diri.

“Tiada bank yang sanggup memberikan pinjaman ketika peringkat awal perniagaan sehinggalah sekarang dan saya juga tidak menerima bantuan mana-mana dana atau geran penyelidikan kerajaan. Namun, saya menganggap ia adalah cabaran yang perlu ditempuh dan apa yang dilaku-

kan ialah membuat tinjauan segmen mana yang memerlukan komputer berkuasa tinggi.

“Selepas melakukan penyelidikan berkenaan dan memiliki produk terabit baru saya menceburi perniagaan berkenaan. Ini kerana saya sudah mengetahui pasaran dan kehendaknya sebelum memasarkan produk itu,” katanya.

Azman berkata, cara sedemikian membolehkannya bertahan dalam industri itu walaupun ada dua atau tiga pesaingnya sudah gulung tikar.

“Keuntungan yang diperoleh daripada kejayaan mendapatkan sesuatu projek dijadikan modal tambahan untuk terus membesarkan perniagaan. Sehingga sekarang, kami tidak pernah meminjam atau menerima bantuan dana daripada mana-mana pihak,” katanya.

Beliau berkata, hasil daripada usaha R&D secara berterusan, produk yang dihasilkan syarikat berjaya menembusi pasaran luar negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan Arab Saudi.

“Bagi pasaran AS misalnya, suite perancangan sumber enterpris (ERP) ADempiere kini digunakan pembekal kepada Wal-Mart, pasar raya terbesar di AS. Kelebihan produk kami berbanding syarikat gergasi lain ialah penggunaanya hanya perlu membayar yuran perundingan dan jaminan yang mana mereka dapat menjimatkan 50 peratus kos menggunakan perisian kami,” katanya.

Azman berkata, kejayaan ADempiere meletakkan Malaysia pada peringkat global apabila ia kini menduduki tangga ketiga bagi ranking SourceForge.net, iaitu pusat pengumpulan maklumat untuk semua projek berasaskan perisian sumber terbuka yang dilaksanakan di dunia.

“Ketika ini seramai 29 pembangun perisian dan 200 pakar perisian sumber terbuka dari seluruh dunia menyumbangkan tenaga untuk pembangunan projek berkenaan,” katanya.

tinggi untuk membentuk satu model ramalan cuaca. Komputer meja biasa tidak dapat melakukannya,” katanya.

Azman berkata, komputer berkenaan juga banyak digunakan di universiti, pusat penyelidikan kerajaan, sektor kewangan dan insurans.

Beliau menjelaskan minat yang mendalam dalam bidang sains terutama komputer, mendorongnya untuk terus menyelidiki pelbagai aspek mengenai komputer yang dapat membantu menyelesaikan masalah atau meningkatkan produktiviti.

Katanya, beliau memegang kepada falsafah bahawa pelanggan yang membayar gaji kepada pekerja dan falsafah itu memberikan kesedaran